

STPM Kertas 1 Set KVK 1:

Soalan 1

- (a) Jelaskan tiga andaian atau prinsip perakaunan yang berkaitan dengan penyediaan penyata pendapatan komprehensif sesebuah entiti perniagaan. (3 markah)
- (b) Perihalkan satu kesilapan tak ketara yang boleh wujud dalam satu sistem perakaunan manual tetapi tidak akan wujud dalam satu sistem perakaunan berkomputer. (2 markah)
- (c) Syarikat KVK telah menyediakan draf penyata kedudukan kewangannya pada 31 Oktober 2020 seperti di bawah:

| Syarikat KVK | | | |
|---------------------------------------------------------------|----------|-------------------------------|----------|
| Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Oktober 2020 (Draf) | | | |
| | RM | | RM |
| Aset bukan semasa | | Ekuiti pemilik | |
| Aset tetap (kos) | 250,000 | Modal (1 November 2019) | 232,800 |
| Susut nilai terkumpul | (85,600) | Untung bersih | 85,100 |
| | | Ambilan | (15,800) |
| Aset semasa | | | |
| Inventori bahan mentah | 32,650 | Liabiliti semasa | |
| Inventori barang siap | 88,760 | Akaun belum bayar | 21,680 |
| Akaun belum terima bersih | 36,000 | | |
| Bank | 51,970 | Liabiliti bukan semasa | |
| | | Nota belum bayar 8% | 50,000 |
| | 373,780 | | 373,780 |
| | | | |

Selepas menyediakan draf penyata kedudukan kewangan syarikat, kerani akaun telah mengenal pasti beberapa kesilapan dan ketinggalan seperti yang berikut:

- (1) Sebuah aset yang dibeli pada harga RM32,000 pada tahun 2015 telah dijual pada harga RM2,000. Syarikat ini telah merekodkan tunai yang diterima daripada jualan aset ini sahaja, iaitu dengan mendebitkan akaun bank dan mengkreditkan akaun aset tetap. Tiada rekod lain untuk pelupusan ini. Polisi susut nilai syarikat adalah memperuntukkan susut nilai sepenuhnya dalam tahun pembelian dan tiada susut nilai dalam tahun pelupusan. Kadar susut nilai adalah 20% atas kos.
- (2) Dalam tahun berakhir 31 Oktober 2020, syarikat ini telah membuat penambahan kepada bangunan asalnya. Belanja penambahan ini berjumlah:

| Aktiviti penambahan | RM |
|------------------------------------------------------------|-----------|
| Nilai kerja pekerja syarikat (termasuk dalam belanja gaji) | 6,000 |
| Nilai kerja pekerja luar (telah dibayar) | 10,000 |

| | |
|--------------------------------------------------------------------------------------------|-------|
| Bahan yang dibeli dan digunakan dalam proses penambahan (direkodkan di akaun belian bahan) | 5,000 |
| Bahan yang dikeluarkan dari inventori (tiada rekod dibuat) | 3,000 |

Sehingga 31 Oktober 2020, hanya nilai kerja pekerja luar sahaja dipermodalkan.

- (3) Tiga item daripada inventori akhir barang siap telah rosak dan hanya boleh dijual pada harga 60% daripada harga jualannya. Margin kasar syarikat ini adalah 20%. Kos ketiga-tiga item tersebut ialah RM3,200.
- (4) Syarikat ini menyelaraskan peruntukan hutang ragu pada kadar 4% atas baki akhir akaun belum terima. Bagi tahun berakhir 31 Oktober 2020, peruntukan hutang ragu telah diselaraskan tanpa mengambil kira hutang lapuk sebanyak RM650 yang perlu dihapus kira. Hutang lapuk terpulih yang diterima sebanyak RM200 telah digunakan oleh pemilik untuk tujuan peribadinya. Perkara ini juga belum direkodkan dalam buku perakaunan syarikat.

Dikehendaki:

- (i) Hitung kos aset tetap dan susut nilai terkumpul yang betul bagi Syarikat KVK pada 31 Oktober 2020. (5 markah)
- (ii) Sediakan semula penyata kedudukan kewangan Syarikat KVK pada 31 Oktober 2020 selepas mengambil kira semua kesilapan dan ketinggalan yang diberikan di atas. (10 markah)